

TINGKAH LAKU DELINKUEN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Adib Emir Shafiq Bin Sharifudin
Atikah Binti Osman
Zuria Mahmud
adibemir@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perbezaan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina, jenis sekolah dan umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian tinjauan ini melibatkan pengumpulan data daripada 200 orang responden di dua buah sekolah dengan menggunakan soal selidik Skala Tingkah Laku Delinkuen (STLD). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan Tingkah Laku Delinkuen pelajar berdasarkan umur dengan nilai, $F(4,195) = 3.040$ ($p < 0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan Tingkah laku Delinkuen pelajar berdasarkan jantina $t(198) = 5.395$, $Sig = 0.001$ ($p < 0.05$). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa faktor umur, jantina dan jenis sekolah memberi impak dalam mempengaruhi tingkah laku delinkuen pelajar. Kajian ini membantu pihak sekolah dan ibu bapa memahami dan seterusnya menyediakan program-program intervensi yang sesuai untuk mengurangkan tingkah laku delinkuen.

Katakunci: *Tingkah laku delinkuen, pelajar, jenis sekolah.*

1.0 PENDAHULUAN

Remaja merupakan golongan yang melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal iaitu perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa. Pelbagai fenomena yang ganjil menghujani mental dan fizikal mereka. Para remaja menghadapi tekanan bersifat memberontak yang merupakan antara faktor pemangkin kepada timbulnya pelbagai masalah disiplin di sekolah khususnya. Mereka juga tidak dapat lari daripada masalah dan tingkah laku yang negatif.

Delinkuen berasal daripada perkataan Latin “delinquere” bererti terabaikan, mengabaikan yang kemudiannya diperluaskan ertinya menjadi jahat, antisosial, melakukan jenayah dan melanggar peraturan (Kartini, 1986) di dalam kajian Loganathan (2015). “Kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkauan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial” (Albert Cohen, 1955) di dalam kajian Loganathan (2015). Dalam kajian ini delinkuen dinyatakan sebagai tingkah laku yang tidak bermoral ataupun salah laku yang dilakukan yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah.

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah antaranya ialah satu kajian yang dijalankan oleh Buerah Tunggak, Shanah Ngadi dan Hamimah Abu Naim (2015) dalam kajiannya yang bertajuk “Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar

Muslim Bersepadu". Kajian ini membincangkan sebab-sebab berlakunya delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah dan cara-cara membendung perlakuan tidak bermoral tersebut.

Di dalam kajian ini juga, penyelidik ada menyertakan jadual statistik Bilangan Kes Disiplin Murid Menengah dan Rendah 2012 Kementerian Pelajaran Malaysia. Menurut KPM (2013), seperti yang dilaporkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, sepuluh jenis tingkah laku dalam kalangan murid menengah dan rendah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghidap rokok. Statistik menunjukkan gejala ponteng sekolah (16.18%) melibatkan 17343 orang pelajar merupakan tingkah laku delinkuen tertinggi, diikuti perlakuan kurang sopan (14.37%) membabitkan 15407 orang pelajar dan tingkah laku berunsur jenayah (13.36%) membabitkan 14321 orang pelajar.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail dan Norizan Hassan (2018) dimana statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) seramai 26,668 orang penagih telah dikesan pada tahun 2015. Sebanyak 19,419 daripada jumlah tersebut adalah lelaki dan 20,289 daripada jumlah tersebut adalah penagih yang baru dikesan. Pada tahun 2014 seramai 21,777 orang penagih telah dikesan. Statistik AADK juga menunjukkan bahawa dalam tahun 2015, seramai 6406 orang yang berumur dari 13 hingga 24 tahun di kesan sebagai penagih dadah berbanding pada tahun 2014 seramai 4,954 orang. Terdapat juga kajian yang dijalankan keatas 30,496 orang yang berumur antara 13-17 tahun masih bersekolah menengah mendapati 25 orang pernah menggunakan dadah.

Menurut Gold, S., & Neopomnyaschy, L. (2018) kajian yang dijalankan keatas kanak-kanak yang berumur sembilan tahun yang tinggal di bandar menunjukkan bahawa tingkah laku delinkuen boleh terjadi seawal usia sembilan tahun dimana ia merupakan satu tingkah laku yang dijangka akan boleh berterusan sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang itu pada masa hadapan. Manakala pelajar di luar bandar pula menurut kajian oleh Mustafa (2016) menyatakan bahawa walaupun di SMKA di luar bandar mempunyai reputasi akademik yang sangat baik namun ia tidak terlepas daripada pelajar sekolah melakukan gejala tingkah laku delinkuen.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor jantina, jenis sekolah dan juga umur yang mempengaruhi remaja dalam tingkah laku delinkuen. Menurut teori psikososial Erikson remaja delinkuen ini berada pada tahap kelima iaitu identiti vs kekeliruan identiti (12 tahun sehingga 18 tahun) dimana pada masa ini mereka melalui perubahan yang besar dari aspek sosial, emosi, fizikal dan pemikiran. Oleh itu, mereka akan terlibat dengan kenakalan, penentangan dan mengkhawatiri diri sendiri. Jika mereka berjaya mengatasi krisis pada tahap ini mereka akan menjadi seorang yang matang dan memperolehi kepastian sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan Mengenalpasti Perbezaan Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Pelajar Berdasarkan Jantina, Jenis sekolah, dan umur.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif berbentuk tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara paling sesuai digunakan. Soal selidik yang digunakan adalah Skala Tingkah Laku Delinkuen (STLD) yang dibangunkan. Skala ini mengandungi item yang diubahsuai daripada beberapa instrumen tingkah laku delinkuen tempatan dan luar negara dengan mengambil kira sepuluh jenis kesalahan jenayah kanak-kanak yang disenaraikan oleh JKMM.

Alat ukur STLD mengambil kira lapan indeks jenayah kanak-kanak yang terdiri daripada pernyataan yang menggambarkan aktiviti delinkuen iaitu menipu dan mencuri,

penyalahgunaan bahan, jenayah harta, vandalisma, melanggar peraturan yang serius, kesalahan lalu lintas, keganasan fizikal dan kesalahan seksual. Analisis data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 25. Dalam kajian ini, tahap kesignifikanan ialah pada aras 0.05.

3.0 DAPATAN PERBINCANGAN

Hasil Dapatan Deskriptif

Analisis statistik deskriptif ini menghuraikan data bagi latar belakang subjek dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Keputusan analisis deskriptif seperti dibawah:

i. Bilangan Responden Berdasarkan Jantina

Jadual 1: Taburan Kekerapan berdasarkan Jantina

Jantina	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
lelaki	90	45.0	45.0	45.0
perempuan	110	55.0	55.0	100.0
Total	200	100.0	100.0	

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima sekolah menengah luar bandar dan bandar. Daripada dapatan jelas menunjukkan sedikit perbezaan iaitu pelajar lelaki menunjukkan sebanyak 45% manakala pelajar perempuan sebanyak 55%.

ii. Bilangan Responden Berdasarkan Umur

Jadual 2: Taburan Kekerapan Berdasarkan Umur

Umur pelajar	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
13 tahun	52	26.0	26.0	26.0
14 tahun	35	17.5	17.5	43.5
15 tahun	30	15.0	15.0	58.5
16 tahun	63	31.5	31.5	90.0
17 tahun	20	10.0	10.0	100.0
Total	200	100.0	100.0	

Jadual 2 menunjukkan frekuensi bagi peringkat umur responden. Pelajar umur 13 tahun menunjukkan peratusan sebanyak 26%, pelajar umur 14 dan 15 tahun menunjukkan peratusan yang sama iaitu 17.5% dan 15%. Pelajar berumur 16 tahun pula menunjukkan penglibatan sebanyak 31% manakala pelajar berumur 17 tahun sebanyak 10%.

Hasil Dapatan Kajian Inferensi

i) **Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Tingkah Laku Delinkuen dalam kalangan pelajar berdasarkan Jantina.**

Ujian t tidak bersandar menunjukkan **terdapat perbezaan** yang signifikan Tingkah laku Delinkuen pelajar berdasarkan jantina dengan nilai, $t(198) = 5.395$, $\text{Sig}=0.001$ ($p<0.05$). Dari segi min menunjukkan tingkahlaku delinkuen pelajar lelaki (min=12.1) lebih tinggi daripada tingkahlaku delinkuen pelajar perempuan (min=6.0). Ini menunjukkan H_0 ditolak. Dapatan kajian ini menyokong kajian Zamzuri Abdul Majid (2003) yang bertajuk Tingkahlaku Delinkuen di Kalangan Mahasiswa Universiti, yang mana hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tingkahlaku delinkuen berdasarkan kampus, jantina, bangsa, agama, fakulti, latar belakang tempat tinggal dan status hubungan ibubapa.

ii) **Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Tingkah Laku Delinkuen dalam kalangan pelajar berdasarkan Jenis Sekolah.**

Ujian t tidak bersandar menunjukkan **tidak terdapat perbezaan** yang signifikan Tingkah laku Delinkuen pelajar berdasarkan jenis sekolah dengan nilai, $t(196) = 1.339$, $\text{Sig}=0.263$ ($p>0.05$). Dari segi min menunjukkan tingkahlaku delinkuen pelajar luar Bandar (min=9.6) lebih tinggi daripada tingkahlaku delinkuen pelajar bandar (min=8.0). Ini menunjukkan H_0 gagal ditolak.

Menurut Gold, S., & Neopomnyaschy, L. (2018) kajian yang dijalankan keatas kanak-kanak yang berumur sembilan tahun yang tinggal di bandar menunjukkan bahawa tingkah laku delinkuen boleh terjadi seawal usia sembilan tahun dimana ia merupakan satu tingkah laku yang dijangka akan boleh berterusan sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang itu pada masa hadapan. Manakala pelajar di luar bandar pula menurut kajian oleh Mustafa (2016) menyatakan bahawa walaupun di SMKA di luar bandar mempunyai reputasi akademik yang sangat baik namun ia tidak terlepas daripada pelajar sekolah melakukan gejala tingkah laku delinkuen.

iii) **Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Tingkah Laku Delinkuen dalam kalangan pelajar berdasarkan Umur.**

Ujian ANOVA satu hala menunjukkan **terdapat perbezaan** yang signifikan Tingkah Laku Delinkuen pelajar berdasarkan umur dengan nilai, $F(4,195) = 3.040$ ($p<0.05$). Dari segi min menunjukkan pelajar umur 17 tahun (min=13.1) mempunyai tingkahlaku delinkuen yang lebih tinggi dari umur 16 tahun (min=9.3), umur 13 tahun (min=9.2), umur 14 tahun (min=7.9) dan umur 15 tahun (min=5.2). Dapatan kajian ini turut di sokong oleh kajian yang dilakukan oleh Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail dan Norizan Hassan (2018) dimana statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) seramai 26,668 orang penagih telah dikesan pada tahun 2015. Sebanyak 19,419 daripada jumlah tersebut adalah lelaki dan 20,289 daripada jumlah tersebut adalah penagih yang baru dikesan. Pada tahun 2014 seramai 21,777 orang penagih telah dikesan.

Statistik AADK juga menunjukkan bahawa dalam tahun 2015, seramai 6406 orang yang berumur dari 13 hingga 24 tahun di kesan sebagai penagih dadah berbanding pada tahun 2014 seramai 4,954 orang. Terdapat juga kajian yang dijalankan keatas 30,496 orang yang berumur antara 13-17 tahun masih bersekolah menengah mendapati 25 orang pernah menggunakan dadah.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku delinkuen dipengaruhi oleh faktor umur, jantina dan juga jenis persekolahan. Jika dilihat di dalam kajian ini faktor

umur di mana semakin tinggi faktor umur semakin tinggi kebarangkalian untuk melakukan tingkah laku delinkuen. Jika dibiarkan tingkah laku delinkuen ini akan terus merebak dalam kalangan remaja ianya semakin tinggi untuk menuju kepada seseorang itu melakukan tingkah laku devian yang mana ianya merupakan tingkah laku yang melibatkan pelanggaran undang-undang sesebuah negara.

Walaupun begitu bukannya mudah untuk menangani masalah tingkah laku delinkuen ini jika harapan diletakkan ke atas bahu ibu bapa sepenuhnya kerana ianya juga memerlukan sokongan sosial yang kuat daripada masyarakat sekeliling untuk sama-sama membendung masalah ini daripada terus berleluasa. Penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji dimana pengkaji boleh mengkaji dari segi faktor konstruk tingkah laku delinkuen supaya dapat melihat dengan lebih mendalam tingkah laku delinuen mana yang kerap dilakukan oleh sampel kajian.

5.0 RUJUKAN

- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Hadhari* Volume 7 (2) (2015) 11-30.
- Gold, S., & Nepomnyaschy, L. .2018.. Neighborhood physical disorder and early delinquency among urban children. *Journal of Marriage and Family*, 80(4), 919-933.
- Isa, F. M., Ismail, R., & Hassan, N. 2018. Peranan Sokongan Sosial terhadap Kemurungan dalam kalangan Remaja Penagih Dadah (The Role of Social Support towards Depression among Adolescent Drug Addicts). *JURNAL PSIKOLOGI MALAYSIA*, 32(3).
- Loganathan A/L Gopal. 2015. Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dan Penghargaan Kendiri Dengan Tingkah Laku Delinkuen Remaja. *University Putra Malaysia*.
- Mustafa, M. N., Suandi, T., Hamzah, A. H., & Ismail, M. D. I. A. 2016. Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko. Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 14 (2).
- Zamzuri Abdul Majid. 2003. Tingkahlaku Delinkuen di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Universiti Putra Malaysia*.